

94 guru terima sijil mentor



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Kanan, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Nudin bin Haji Muhammad menyampaikan sijil kepada seorang peserta.

MPP UNISSA perlu anjurkan program berkualiti



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan menyampaikan sijil penghargaan kepada seorang ahli MPP UNISSA Sesi 2013/2014.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Januari. - Barisan Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sesi 2014 / 2015 diseru agar sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan terutama dalam aspek kepimpinan, pentadbiran dan pengurusan.

Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal menyucu demikian pada Majlis Watahikah Pelantikan MPP UNISSA Sesi 2014 / 2015 di Dewan Bahtera, Hotel Badiah.

Dalam Islam, katanya, *role model* sebagai pemimpin ideal dan unggul yang menjadi contoh ikutan sepanjang zaman adalah Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang sememangnya memiliki ciri-ciri kepimpinan yang agung dan berkarisma serta pentadbir dan pengurus berjaya wajar dicontohi kepada kita semua.

Beliau seterusnya menambah bahawa untuk menjadi pemimpin yang berjaya, setiap ahli-ahli MPP yang baru dilantik perlu menanam semangat untuk memimpin, mentadbir dan mengurus, selain dihiasi dengan sifat-sifat takwa, amanah, tawaduk, pekerti mulia dan ringan tangan agar benar-benar memberi kesan kepada kepimpinan mereka sekali gus menjadi contoh terbaik kepada pelajar lain.

Menyadari akan kepentingan hal ini, terangnya, para ahli MPP akan

didedahkan dengan program-program latihan kepimpinan dalam usaha membentuk personaliti pelajar sebagai pemimpin berjaya, di samping mempersiapkan ahli-ahli MPP dengan ketahanan rohani, mental dan fizikal dalam menghadapi cabaran serta rintangan dalam arena kepimpinan.

"MPP perlu menganjurkan program-program dan aktiviti-aktiviti berkualiti dan bermanfaat yang dapat memberi impak signifikan kepada kemajuan pembangunan masyarakat dan negara di mana perlu diketahui bahawa penglibatan pelajar-pelajar dengan masyarakat setempat adalah amat penting kerana ianya melambangkan bahawa mahasiswa amat responsif dalam isu masyarakat, di samping menjadikan mahasiswa lebih berkeyakinan untuk bersama masyarakat," ujarnya.

Seramai 22 orang pelajar secara keseluruhan telah dilantik untuk mengisi jawatan-jawatan MPP UNISSA dan Exco bagi sesi 2014 / 2015.

Pelajar Tahun 2, Program Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Awang Abdul Muiz bin Haji Kadir telah terpilih untuk memegang jawatan Yang Di-Pertua Pelajar.

Acara diselenggarakan dengan penyerahan sijil penghargaan kepada ahli-ahli MPP UNISSA sesi 2013 / 2014.

TUNGKU LINK, Rabu, 28 Januari. - Seramai 94 orang guru daripada 31 buah sekolah rendah, menengah, vokasional dan teknikal yang menyertai 'Mentors of Master of Teaching 2014' menerima sijil masing-masing pada majlis yang diadakan di Dewan Senate Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Penyampaian sijil disempurnakan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Nudin bin Haji Muhammad.

Program tersebut dihasratkan untuk memberikan pengiktirafan kepada guru-guru berpengalaman yang telah dilantik sebagai mentor kerana telah bekerjasama, membimbing dan menunjuk ajar kepada pelajar-pelajar 'Master of Teaching' yang telah menjalani amalan-amalan profesional dan seminar selama empat bulan.

Selain itu, ia juga untuk memberikan penghargaan kepada mentor yang telah memberikan komitmen yang tinggi terhadap tugas, sumbangan, tenaga, pengalaman dan pengetahuan kepada bidang pendidikan di negara ini.

Menurut peserta program, Dayangku Nurul Ain binti Pengiran Haji Kamaluddin yang bertugas sebagai guru di Sekolah Menengah Sharif Ali menyatakan program tersebut amat baik bagi guru-guru yang baru bertugas kerana dengan adanya guru-guru mentor ini maka akan dapat memberikan pengajaran dan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Hzzi Haji Duraman

pengetahuan cara-cara mutu pengajaran yang baik.

Manakala Dayang Lim Pau Lin yang bertugas di Pusat Tingkatan Enam Meragang berkata, program guru mentor tersebut adalah amat baik sekali bagi guru-guru yang baru berkhidmat kerana ada sesetengah guru-guru yang

bertugas kurang mengetahui mengenai dengan cara-cara mengajar dengan betul.

Beliau berharap dengan adanya guru-guru mentor ini akan dapat memberikan ilmu yang baik dan berguna agar semua guru-guru yang ada di negara ini dapat mengajar dengan baik.



GURU pembimbing, Dayangku Nurul 'Ain binti Pengiran Haji Kamaluddin daripada Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Salambar.



GURU bagi mata pelajaran Psikologi di Pusat Tingkatan Enam Meragang, Lim Pau Lin antara tenaga pembimbing yang menyertai 'Mentors of Master of Teaching 2014'.

UNISSA terima rombongan USIM

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus menerima lawatan dari pelbagai universiti Islam sebagai langkah mengencatkan hubungan di antara universiti-universiti.

Fakulti Usuluddin, UNISSA menerima lawatan ilmiah daripada Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang terdiri daripada mahasiswa-mahasiswa Tahun 4 Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan yang diketuai oleh Pensyarah Kanan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM, Awang Yuseri bin Ahmad.

Rombongan lawatan ini diselenggarakan oleh mahasiswa-mahasiswa Tahun 4 Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM di bawah program Lawatan Antarabangsa 2015: 'Jejak Tokoh Islami, Menyemai Bakti Di Bandar Seri Begawan'.

Mereka dialu-alukan oleh Dekan Fakulti Usuluddin, UNISSA, Dr. Lilly Suzana binti Haji Shamsu yang antara lain memberi penerangan dan pengenalan ringkas tentang perubahan UNISSA dan program-program yang ada di bawah Fakulti Usuluddin.

Di antara pengisian program ialah pembentangan

beberapa kertas kerja yang disediakan oleh mahasiswa-mahasiswa Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM secara berkumpulan yang bertemakan 'Pengurusan dan Cabaran Dakwah'.

Rombongan USIM juga dibawa untuk menghadiri kelas kuliah Tasawwuf dan Fiqh al Dakwah, mereka juga dibawa mengikuti Kelas Talaqqi Kitab Turath yang disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Usuluddin, Dr. Sayyid Abdul Hamid al Mahdaly.

Kelas tersebut merupakan program mingguan yang diungkuhkan oleh Fakulti Usuluddin, UNISSA bagi memahami dan mendalami sumber rujukan asasi dalam pengajian Islam.

Rombongan juga mengambil peluang untuk mengukuhkan hubungan ukhuwah di antara mahasiswa-mahasiswa Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM dan mahasiswa-mahasiswa Fakulti Usuluddin, UNISSA dan saling bertukar-tukar fikiran serta idea dalam mengembangkan dan memartabatkan dunia dakwah di era globalisasi.

Rombongan berada di Negara Brunei Darussalam ini selama seminggu.



ROMBONGAN USIM bergambar ramai bersama rakan sejawat dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

RALAT

BERITA bertajuk 'Sembahyang Sunat Hajat mohon perlindungan bencana banjir' dalam keterangan gambar yang tersiar dalam akhbar ini terbitan pada hari Sabtu, 31 Januari 2015 hendaklah dibaca 'MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, ditamanikan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mat Jaya bin Haji Ibrahim?' - **Penyunting.**